

20/12/1998

Kerajaan timbang lanjut kempen

Halmi Samad

KUALA LUMPUR: Kempen Pemilikan Rumah yang berakhir 12 Januari ini mungkin dilanjutkan jika mendapat sokongan institusi kewangan dan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan (HDA).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chiew Peh, berkata kerajaan bersedia menimbang kemungkinan meneruskan kempen itu jika mendapat sokongan semua pihak.

"Jika HDA dan bank-bank perdagangan bersetuju menjayakannya, kerajaan akan pertimbangkan. Rasanya ia boleh diteruskan sehingga tempoh yang lebih panjang," katanya ketika melancarkan Perumahan Bandar Seri Permaisuri di Cheras, semalam.

Teks ucapan dibacakan oleh Timabalannya, Datuk Peter Chin.

Dr Ting berkata, kementerianya dimaklumkan kempen itu berjaya merencanakan semula pertumbuhan sektor hartanah yang sejak setahun lalu mengalami zaman 'kelesuan'.

"Mungkin jika kempen ini diteruskan untuk jangka masa lebih sebulan, ia berupaya merencanakan sektor hartanah. Sekarang inipun sudah terbukti keberkesanannya," katanya.

Kempen yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Disember lalu itu menawarkan pelbagai kelonggaran dalam usaha memulih pertumbuhan sektor hartanah.

Beliau bagaimanapun mengingatkan pemaju perumahan supaya tidak memperdaya pembeli dengan menjual rumah bermutu rendah sepanjang kempen itu.

Sebaliknya, pemaju harus ikhlas dan tidak mengurang bahan binaan berkualiti kerana menerusi cara itu, rumah yang disiapkan kelak bermutu tinggi.

Dr Ting juga meminta pemaju berusaha mendapatkan sijil ISO 9000 bagi meyakinkan orang ramai bahawa mereka benar-benar serius dalam usaha meningkatkan mutu binaan.

Menurutnya, pemaju harus menjadikan itu sebagai agenda utama pengurusan kerana peratusan aduan perumahan meningkat kebelakangan ini. Dalam tempoh setahun, lebih 500 aduan diterima, semuanya berkaitan kerosakan, kerendahan mutu dan Sijil Layak Menduduki (CF) rumah.

"Ini membuktikan pemaju harus bertanggungjawab mengikis tanggapan negatif umum. Kebelakangan ini, saya dimaklumkan peratusan kes rumah lewat disiap dan diserahkan kepada pembeli sangat tinggi. Dulu hanya lewat dua minggu. Tapi sekarang, lebih sebulan.

"Oleh itu, wajarlah pemaju perumahan di Malaysia mendapatkan ISO 9000 bagi meyakinkan umum mengenai komitmen mereka," katanya.

(END)